Usahawan Peladang Jaya Encik Che Azmi Bin Che Mahmood

Encik Che Azmi Bin Che Mahmood, berusia 49 tahun adalah seorang anggota polis berpangkat Inspektor berasal dari Negeri Kelantan dan kini beliau dan keluarganya menetap di Sri Manjong, Perak. Minatnya di dalam projek tanaman mangga ini bermula sejak 18 tahun yang lalu dengan permulaan tanaman seluas 20 ekar di Lekir, Sitiawan, Perak sehinggalah membawa kepada persaraan awal beliau sebagai anggota polis.

Walaubagaimanapun 10 tahun kemudian beliau telah memindahkan projek tersebut ke Kampung Permatang, Sri Manjung diatas tanah milik sendiri seluas 4 ekar dan tanah wakaf milik Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIP) seluas 16 ekar. Pihak JAIP telah memberikan hak menyewa tanah tersebut selama 30 tahun dengan kadar sewa sebanyak 10% daripada keuntungan bersih projek. Sewa dibayar kepada Masjid Nurul Hidayah, Sri Manjong dan sehingga kini beliau telah mengusahakan tanah tersebut selama 14 tahun.

Hasil usaha beliau ternyata berjaya memberikan pulangan yang lumayan iaitu 240 tan metrik buah mangga yang bernilai RM360,000 dengan keuntungan bersih RM300,000 setahun.

Beliau seorang yang berpandangan jauh dan yakin dengan kejayaan yang bakal diperolehi dengan usaha yang dijalankan dalam bidang pertanian. Lokasi tanaman mangga di Lekir telah digantikan dengan projek ternakan udang galah. Kesungguhan beliau mengusahakan projek ternakan udang galah tersebut terbukti kejayaannya sehingga dinobatkan sebagai Usahawan Ikan Jaya Kebangsaan Tahun 2001. Beliau mengusahakan sebanyak 18 buah kolam dengan purata hasil sebanyak 18 metrik tan bernilai RM540,000 dan pendapatan bersih RM270,000 setahun.

Sebahagian perbelanjaan projek ternakan udang galah ini dibiayai dibawah Program Pembangunan Usahawan Peladang, Lembaga Pertubuhan Peladang sebanyak RM50,000.

Setelah mempunyai pasaran yang kukuh, beliau telah membesarkan lagi projek tanaman mangga tersebut di 2 buah lokasi, iaitu di Changkat Tin seluas 650 ekar dan Tronoh Mine seluas 146 ekar. Tanah tersebut disewa secara pajakan daripada Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC) dengan kadar sewaan sejumlah RM5,000/ekar selama 60 tahun. Disamping mengusahakan projek sendiri, beliau turut membantu melahirkan usahawan-usahawan peladang yang berminat mengusahakan projek tanaman mangga menerusi program mentor mentee.

Di Changkat Tin, beliau telah mengadakan usahasama dengan SADC menganjurkan program mentor mentee dimana tanah seluas 150 ekar telah ditanam dengan tanaman mangga yang melibatkan seramai 30

orang mentee. Disamping itu, tanah milik beliau sendiri seluas 50 ekar juga telah ditanam dengan mangga.

Sementara itu tanah seluas 60 ekar di Tronoh Mine juga telah dibangunkan dibawah program mentor mentee dengan PPK Manjung Selatan. Ia diusahakan dengan tanaman mangga sejak 2 tahun lalu melibatkan 10 orang mentee. Dengan dibantu oleh seramai 5 orang pekerja tetap, beliau mampu menguruskan ladang mangganya dengan baik sehingga berjaya mendapatkan pensijilan Skim Akreditasi Ladang Malaysia (SALM).

Setiap tahun mangga beliau mengeluarkan hasil bermula bulan Mei hingga November. Secara purata, bagi setiap musim beliau mampu meraih hasil hingga 30 m/tan bagi setiap ekar. Kebanyakan hasil dipasarkan secara kontrak pemasaran dengan FAMA pada harga antara RM1.80/kg hingga RM2.60/kg bagi gred A dan B. Manakala bagi gred C adalah untuk dijual kepada pemborong di Kuala Lumpur dan sekitar Negeri Perak pada harga antara RM1 – RM1.50/kg.

Disamping tanaman mangga, beliau turut manfaatkan sepenuhnya kegunaan tanah tersebut dengan mengusahakan ternakan ikan air tawar seperti tongsan, kap rumput, tilapia hitam dan lampam di tasik yang sedia ada dikawasan tersebut secara usahasama dengan pihak swasta. Bagi setiap pusingan beliau akan menternak 60,000 ekor tongsan, 10,000 ekor kap rumput, 20,000 ekor lampam dan tilapia hitam membiak secara semulajadi. Dengan kadar kematian sebanyak 20% beliau berupaya memperolehi hasil bersih sebanyak RM240,000 bagi ikan tongsan, RM96,000 bagi ikan kap rumput dan RM16,000 bagi ikan lampam, manakala ikan tilapia hitam dijual dengan harga RM1.10/kg.

Gambar 1: En. Che Azmi Bin Che Mahmood bersama buah mangga yang sedang membesar.

Gambar 2: Bersama seorang Pengawai Pembimbing Lembaga Pertubuhan Peladang daripada Kuala Lumpur.

Gambar 3: Sistem perparitan yang dibina untuk membekalkan air kepada tanaman.

Gambar 4: Menurut En. Che Azmi, untuk mendapatkan hasil yang baik penjagaan pucuk pada peringkat awal sangat penting.

Gambar 5: Peringkat berbunga perlu disembur dengan racun khas untuk mengelakkan serangan kumbang perosak.

Gambar 6: Bunga mangga yang dijaga dengan elok akan menghasilkan putik yang segar.

Gambar 7: Pokok mangga yang mengeluarkan hasil.

Gambar 8: Buah ini tidak perlu disampul kerana persekitaran tanah yang bersih dan hasil penjagaan yang sempurna semenjak pucuk lagi.

Gambar 9: Buah yang telah dipetik akan digred mengikut saiz dan kelicinan pada kulit.

Gambar 10: Ladang beliau telah memperolehi Sijil pengiktirafan SALM.

Gambar 11: Beliau memproses benih anak udang galah sendiri.

Gambar 12: Hasil udang galah yang baru dituai.

Gambar 12: Hasil udang galah yang diternak di kolam di Lekir, Perak.

MAKLUMAT USAHAWAN PP

LPP Negeri	:	Selangor
PPK Penyelia	:	PPK Sepang
Unit Peladang	:	Unit Ulu Chuchoh

Nama Perusahaan	:	Jamirah Food Industri (M) Sdn BHd
Alamat	:	Lot 815, Jalan Mempelam, Kampung Bukit Bangkong, 43950 Sungai Pelek, Sepang , Selangor D. E
No Tel	:	03-31414120 No Fax : 03-31414768
Nama Usahawan	:	Jamirah Bt. Othman

Mula beroperasi	:	1990
Pemilikan saham	:	Perkongsian (keluarga)
Modal awal	:	RM 50.00
		- Tambahan dari segi peralatan dan tambahan kawasan untuk memproses dilakukan dari masa ke semasa mengikut keperluan dan keupayaan modal yang ada
Pelaburan hingga kini	:	
		Bangunan (400’ x 80’) - RM 200,000.00
		Mesin/ Peralatan - RM 700,000.00
		Kenderaan/ lori - RM 120,000.00
		(1 Traktor, 3 lori)

Bantuan kerajaan/agensi

1) Modal/kewangan:

   a) Mendapat tawaran pinjaman dari kerajaan negeri Selangor melalui Bank Pertanian sebanyak RM 300,000.
   b) Mendapat tawaran dalam bentuk grant dari MTDC sebanyak RM 284,770 untuk membeli mesin " processing & packing of agro based chips"
   c) Mendapat tawaran pinjaman dari MIDF sebanyak RM 241,230 sebagai tambahan kepada grant dari MTDC untuk membeli mesin.

Jenis projek : Kerepek

Produk keluaran :

1. Kerepek ubi (pelbagai rasa)
2. Kerepek keledek
3. Kerepek pisang
4. Kerepek keladi
5. Keropok ubi

Bilangan pekerja : 26 orang- pemprosesan

13 orang- di ladang

Penggunaan Bahan Mentah Sebulan:

1.	Pisang	4,000 kg/ bln
2.	Ubi kayu	100,000 kg/bln
3.	Ubi keledek	4,000 kg/bln
4.	Minyak masak	100,000 kg/ bln
5.	Bahan bakar	19,000 ltr/bln

Anggaran keperluan bahan mentah sekarang dalam lingkungan 5 tan/hari. Anggaran pengeluaran bahan siap proses dalam lingkungan 2 tan/hari.

Pasaran :

1. Jualan runcit kilang RM 10,000.00/bln
2. Pemborong RM 140,000.00/bln
3. Pasaraya RM ……../bln (dalam proses promosi)
4. Lain-lain RM ……../ bln

Jumlah RM **150,000.00/bln**

Bekalan bahan mentah.

Sumber : Pisang & Ubi - 90% dari ladang sendiri
- 10% dari petani tempatan

Mengusahakan ladang dengan tanaman ubi kayu, ubi keledek dan pisang di atas tanah yang disewa seluas 240 ekar (120 ekar Taman Kekal Pengeluaran Makanan, 100 ekar tanah estet dan 20 ekar milik persendirian). Kelulusan tambahan sebanyak 120 ekar untuk tempoh pajakan 30 tahun. Dengan tambahan ladang seluas 120 ekar ini keperluan bahan mentah dapat ditingkatkan kepada 10 tan/hari dengan hasil pengeluaran siap diproses bertambah kepada 4 tan/hari.

Jualan/ pendapatan sebulan

i. Jualan : RM 150,000.00
ii. Kos barangan : RM 78,000.00
iii Kos upah : RM 47,000.00
iv Kos angkutan : RM 10,000.00
Untung : RM 15,000.00

Perancangan :

Dengan adanya mesin " fully automatic" (dalam tempuh percubaan selama 3 bulan) diharap dapat meningkatkan kualiti barangan dan meningkatkan pengeluaran hasil kepada 10 tan/hari. Keperluan tambahan yang diperlukan ialah 'Conveyor' untuk bahan mentah dan mesin tos bernilai RM 70,000.

Proses Pembuatan Kerepek

Kapasiti pengeluaran bahan mentah dari ladang dan petani sekitar sebanyak 5mt/tan sehari, kapasiti ini akan ditingkatkan kepada 10mt/tan pada tahun 2006.

Aktiviti meracik dan mencuci bahan mentah

Kapasiti menggoreng dan mengadun perisa ialah sebanyak 2.5mt/tan sehari.

Proses pembungkusan produk

Produk yang siap untuk dipasarkan